

**Kerajaan Sudah 54 Tahun Jaga Kebajikan, Kata Najib Bernama**  
**13 September , 2011**  
**Oleh Kamarul Ariffin Md Yassin**

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia tidak memerlukan konsep negara berkebakjikan kerana kerajaan telah 54 tahun mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memperjuangkan prinsip untuk memakmurkan negara supaya kesejahteraan rakyat lebih baik.

Beliau berkata walaupun ada pihak cuba membuat jenama baru iaitu negara kebajikan tetapi ia sesuatu yang telah lama dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional.

"Antaranya kita mempunyai rekod memerangi kemiskinan terbaik di dunia. Jumlah kemiskinan tegar dikurangkan ke tahap paling minimum. Kini adalah sikit-sikit kita akan terus perangi," katanya pada majlis Aidilfitri bersama rakyat Malaysia di sini Isnin.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar, Menteri Kerja Raya Datuk Shaziman Abu Mansor, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Datuk Abdullah Sani Omar.

" Kita tak nak beri masyarakat ikan sahaja tetapi kini kita beri pancing dan ikan. Sekarang ini kita tumpu kemiskinan...itu pun dah turun. Kita tengok kumpulan-kumpulan lain yang pendapatan bawah RM3,000 juga akan kerajaan pertimbangkan," kata Najib.

Beliau berkata untuk berbuat bagi "kebajikan" Malaysia perlu mempunyai pertumbuhan ekonomi kerana tanpa pertumbuhan ekonomi, kerajaan tidak dapat beri subsidi dan tidak dapat bantu "rakyat".

" Jika anda tidak boleh dapat pertumbuhan baik anda akan hadapi masalah... apabila dapat pertumbuhan ekonomi, separuh masalah dapat selesai, jika anda tidak dapat pertumbuhan anda tidak dapat apa-apa. Kita juga pastikan permintaan ekonomi yang kuat," kata beliau.

Beliau berkata hubungan Malaysia dengan Brunei secara keseluruhannya semakin mantap dan kukuh, dan banyak masalah yang timbul dalam hubungan dua hala dapat diselesaikan.

" Kita boleh lihat banyak kemajuan dalam pelbagai bidang sama ada minyak dan gas, hubung kait antara dua negara, keselamatan, pelancongan, perikanan dan pelbagai lagi termasuk pelaburan Brunei ke Malaysia akan terus meningkat," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=612987>